

Soalan 1

- (a) Kesilapan berikut dikesan oleh Cik Nina seorang kerani akaun Perniagaan Daniel. Nyatakan jenis kesilapan tersebut.

BIL	URUSNIAGA	JENIS KESILAPAN
1	Belian perabot pejabat bernilai RM960 tersilap debit ke Akaun Belian	
2	Penerimaan cek berjumlah RM1 200 daripada Kedai Nina dikreditkan ke Akaun Kedai Lina	
3	Jualan tunai RM6 700 tidak direkod dalam mana-mana buku	
4	Belian tunai RM1 200 telah didebit dalam Akaun Tunai dan dikreditkan dalam Akaun Belian	
5	Beli perabot secara kredit RM3 200 daripada Syarikat perabot Jati tidak direkodkan dalam mana-mana buku	
6	Gaji RM800 yang dibayar dengan cek telah dikreditkan dalam Akaun Gaji dan di debitkan dalam Akaun Bank	
7	Jualan barang niaga secara kredit bernilai RM2 500 kepada Kedai Aina dicatat dengan betul dalam Akaun Jualan tetapi tersilap rekod dalam akaun kedai Ina	
8	Belanja membaiki premis RM5 000 tersilap debit dalam Akaun Premis tetapi telah direkodkan dengan betul dalam Akaun Tunai	
9	Belian alatan pejabat RM4 200 dengan cek telah dikreditkan dalam Akaun Alatan pejabat dan didebitkan dalam Akaun bank	
10	Insurans terlebih rekod RM50 dalam Akaun Insurans, manakala komisen diterima juga terlebih rekod sebanyak RM50 dalam Akaun Komisen Diterima	

- (b) Berdasarkan kesilapan di atas, sediakan Jurnal Am untuk merekodkan pembetulan kesilapan tersebut. Keterangan tidak diperlukan.

	Butir		Debit (RM)	Kredit (RM)
1				
2				
3				
4				
5				
6				
7				
8				
9				
10				